

17 AUG 1996

Anyaoku-Nigeria

KEDUDUKAN NIGERIA DALAM KOMANWEL DITENTUKAN TIDAK LAMA LAGI

KUALA LUMPUR, 17 Ogos (Bernama) -- Keputusan menarik balik penggantungan keanggotaan Nigeria dalam Komanwel akan ditentukan di akhir dialog antara Komanwel dan negara itu tidak lama lagi, kata Setiausaha Agung Komanwel, Chief Emeka Anyaoku di sini hari ini.

"Dialog antara Nigeria dan Komanwel telah bermula dan keputusan mengenai kedudukan penggantungan ini akan diambil dalam tempoh dialog ini," kata beliau kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah untuk menghadiri persidangan Persatuan Parlimen Komanwel di sini Isnin ini.

Kerajaan Nigeria telah mempelawa Kumpulan Tindakan Peringkat Menteri Komanwel melawat negara itu untuk meneruskan dialog itu dan rundingan sedang dibuat antara kedua-dua pihak mengenainya.

Anyaoku berharap lawatan akan dibuat akhir bulan ini hasil dari rundingan itu.

"Saya berharap lawatan itu akan dapat mengkaji perkembangan terakhir dalam usaha Nigeria untuk memenuhi keperluan peraturan Perisytiharan Harare.

"Dan kedudukan Nigeria dalam Komanwel akan dikaji semula dengan menggunakan pengalaman pada masa lawatan itu," kata beliau.

Anyaoku juga berkata Malaysia telah memainkan peranan yang penting dalam Komanwel seperti baru-baru ini apabila bekas Menteri Luar Tan Sri Ghazali Shafie mengetuai kumpulan pemerhati dalam pilihan raya umum di Bangladesh.

Malaysia telah memainkan peranan penting dalam banyak bidang kerjasama Komanwel, kata beliau.

"Oleh itu saya amat gembira untuk berbincang mengenai perkara ini dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan menteri-menteri kanan Malaysia yang lain dalam masa lawatan saya ini," kata beliau.

Ketibaan Anyaoku yang diiringi oleh isterinya, disambut oleh Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Mohamed Zahir Ismail yang juga presiden persidangan Persatuan Parlimen Komanwel ke 42 yang bermula di sini Isnin ini. --

BERNAMA

ZAB WAT MAI